



01 OCT, 2025

Loji Pulau Indah jana 40 peratus tenaga elektrik Lembah Klang

Kosmo, Malaysia



Loji Pulau Indah jana 40% tenaga elektrik Lembah Klang

+KLANG – Stesen Janakuasa Pulau Indah (PIPP) berkapasiti 1,200 megawatt membekalkan lebih 40 peratus daripada kegunaan tenaga elektrik di Lembah Klang.

Loji berskala besar berasaskan gas asli itu kini beroperasi sepenuhnya membekalkan tenaga yang boleh dipercayai, cekap dan lebih bersih ke grid nasional.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, fasiliti tersebut merupakan salah satu loji turbin gas kitaran gabungan (CCGT) paling moden dan efisien di negara ini.

Katanya, ia bukan sahaja meningkatkan kapasiti bekalan elektrik negara, malah memberi mesej jelas bahawa Malaysia serius dalam mengukuhkan keselamatan tenaga serta menjamin daya saing ekonomi.

"PIPP menjadi penstabil jangka panjang, memastikan bekalan tenaga kepada ekonomi, kediaman dan perkhidmatan kritikal



FADILLAH (lima dari kiri) melihat model stesen jana kuasa Pulau Indah yang dilancarkan semalam. – AFIQ RAZALI

sentiasa terjamin.

"Peralihan tenaga di Malaysia bukan sekadar retorik, tetapi satu transformasi nasional berpaksikan NETR sebagai asas masa depan tenaga bersih negara," katanya ketika berucap

merasmikan melancarkan PIPP, di sini semalam.

PIPP merupakan usaha sama antara Worldwide Holdings Berhad dan Korea Electric Power Corporation (KEPCO) dibina di kawasan tanah tebus guna seluas

24 hektar bersebelahan Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang.

PIPP mencapai Tarikh Operasi Komersial (COD) pada 1 Mac lalu di bawah Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) selama 21 tahun bersama Tenaga Nasional Ber-

had (TNB) dan menjana lebih 2,500 peluang pekerjaan sepanjang tempoh pembangunannya.

Menurut Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air itu, pelaburan dalam infrastruktur tenaga berteknologi tinggi adalah kunci untuk menarik keyakinan pelabur dan memastikan negara kekal berdaya tahan menghadapi cabaran pasaran antarabangsa.

"Projek ini terbukti sebagai fasa pertama pelaksanaan NETR. Ia menggunakan teknologi turbin cangkuk menghasilkan pelepasan lebih rendah setiap megawatt.

"Ini sekali gus mempersiapkan Malaysia untuk memperluas tenaga solar, hidro dan hidrogen pada masa depan," ujarnya.

Menerusi PIPP, negara sedang meletakkan asas kepada peralihan tenaga inklusif berteraskan prinsip tadbir urus, sosial dan alam sekitar sekali gus memperkasa komuniti dan peluang pekerjaan serta alam sekitar ke arah ekonomi rendah karbon.